

30 MAR 2000

Umno-pemilihan

KUBANG PASU CALONKAN NAJIB, MAT TAIB DAN MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Umno bahagian Kubang Pasu yang mengadakan mesyuarat perwakilannya hari ini mencalonkan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhamad Taib bagi jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Dua lagi calon ialah penyandang Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pengundian bagi calon-calon jawatan naib presiden dan Majlis Tertinggi Umno oleh bahagian itu dilakukan secara sulit.

Ketua bahagian itu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula bagi jawatan presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan timbalan presiden.

Umno bahagian Langkawi pula mencalonkan bekas Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid bagi jawatan naib presiden bersama Najib dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Bahagian Umno Bacok pula mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan naib presiden bersama-sama Najib dan Muhyiddin.

Kedua-dua bahagian itu turut mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Dr Mahathir kini mendapat 139 pencalonan dan Abdullah mendapat 138 pencalonan.

Najib kini mendapat 127 pencalonan, Muhyiddin (30), Muhammad (25), Rais (20) dan Tengku Razakleigh (7).

Calon-calon lain ialah Datuk Abdul Ghani Othman 70 pencalonan, Datuk Osu Sukam (32), Datuk Seri Abu Hassan Omar (48), Mohd Isa Abdul Samad (24) dan Datuk Seri Syed Hamid Albar (32),

Bagi Ketua Pergerakan Wanita Umno, Wanita bahagian Kubang Kerian mencalonkan penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman bagi jawatan ketua dan Aionn Khariyah Mohd Abas naib ketua.

Wanita bahagian Kulim/Bandar Bahru pula mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai ketua dan penyandang naib ketua Datuk Napsiah Omar bagi mempertahankan jawatan itu.

Dr Siti Zaharah kini mendapat 68 pencalonan dan Rafidah 88 pencalonan. Aionn pula mendapat 48 pencalonan, Napsiah (23) sementara timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil kekal 85 pencalonan.

Pemangku ketua Pergerakan pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein mendapat satu lagi pencalonan daripada pemuda bahagian Kulim/Bandar Bahru menjadikan jumlah yang diperolehi setakat ini sebanyak 156.

Bagi jawatan naib ketua, Datuk Abdul Aziz Seikh Fadzir mendapat satu lagi pencalonan daripada bahagian Kulim/Bandar Bahru menjadikan pencalonan setakat ini sebanyak 120, sementara pencabarnya Zein Isa Ismail kekal 29 pencalonan.

--BERNAMA

ARA zb